



BERSAMA IKON INDUSTRI: Sesi bergambar peserta program bersama ikon industri yang berjaya dan Azizul Julirin.

Program bersama ikon industri berjaya

UB 23/01/20 15

KOTA KINABALU: JAKMAS Kolej Kediaman 1 Borneo, Universiti Malaysia Sabah baru-baru ini menganjurkan Program Bersama Ikon Industri Yang Berjaya di Kundasang, Mesilou, Ranau.

Program ini bertujuan bagi memberikan peluang mendekati salah seorang usahawan yang berjaya di Sabah iaitu Azizul Julirin yang mengusahakan perniagaan Aquafarm.

Perkongsiannya melalui ilmu

pengetahuan dan pengalaman telah dikongsikan oleh beliau khususnya di dalam menggunakan teknik tanaman Aquaponik.

Menurut Pengarah Program Syaza Al' yaa Masri, program ini dijalankan sebagai suatu usaha pihak JAKMAS KK1B untuk bersama-sama dengan warga Kolej Kediaman KK1B dan UMS dalam memahami aktiviti keusahawanan sebagai contoh di dalam mengusahakan aktiviti perniagaan

Aquafarm yang diusahakan oleh Azizul Julirin.

Beliau adalah penerima anugerah 'MOSTI Social Innovation 2018' dan hasil prodak tanaman beliau telah dipasarkan ke beberapa buah negara antaranya termasuklah Brunei.

Program ini juga turut dihadiri oleh Timbalan Pengetua Kolej Kediaman 1 Borneo Norhanieyati Norhaizat, barisan felo dan JAKMAS KK1B serta 43 pelajar UMS.